



BERSAMA  
FAZLI HISAHAK  
PERUNDING PENJENAMAAN  
WWW.FAZLIHISAHAK.COM

# MEMBINA JENAMA MELALUI MUAT NAIK DI FACEBOOK

JENAMA MERUPAKAN SATU ASPEK PENTING DALAM APA JUA PERNIAGAAN. PENJENAMAAN YANG BETUL AKAN MEMBANTU USAHAWAN MENGEMBANGKAN PERNIAGAAN DALAM APA JUA BIDANG. JIKA KITA TIDAK MEMPUNYAI PRODUK SENDIRI, DIRI KITA JUGA PERLU MEMBENTUK SEBAGAI SATU JENAMA YANG DISEBUT SEBAGAI PENJENAMAAN PERIBADI (PERSONAL BRANDING).

Mengapa jenama penting? Jenama yang membezakan produk kita dengan produk lain di pasaran. Masyarakat melihat tanggapan luaran sesuatu produk sebelum membuat keputusan untuk membelinya.


Binalah jenama melalui logo supaya produk kita mudah dikenali. Jika tulisan dibandingkan dengan logo, sudah pasti kita lebih mudah mengingat logo. Logo yang baik ialah sesuatu yang mudah diingat orang.

Ramai usahawan yang mula berniaga melalui Facebook kerana ia mudah dan menjadi budaya masa kini. Namun ramai yang tidak tahu bagaimana hendak mengembangkan jenama melalui Facebook. Mereka memuat naik segala bahan dan gambar yang mereka suka tanpa panduan. Kesannya, usahawan jadi seronok sendiri sedangkan muat turun mereka tidak berkesan dari sudut mengembangkan jenama.

Di sini saya kongsi secara ringkas panduan kepada usahawan dalam

membina jenama melalui Facebook:

**1.** Facebook adalah satu cabang media sosial, maka elakkan dari terus



Elakkan media sosial jadi medan pengiklanan.

menjadikannya media pengiklanan produk kita secara langsung. Ia harus berkembang dari asas membentuk

penjenamaan peribadi. Setelah ia kukuh secara tidak langsung, apa yang kita muat turun dalam Facebook akan mendapat perhatian pembaca. Diri kita secara peribadi sudah menjadi satu jenama. Dari situ kita telah membina kepercayaan terhadap pembaca.

**2.** Mulakan dengan memperkenalkan jenama dan logo kita tanpa apa-apa produk dalam muat naik. Biar pembaca melihat itu sahaja dan menyimpannya di dalam fikiran mereka.

Kesilapan usahawan, mereka memuat naik gambar produk serta secara serentak tanpa menumpukan terlebih dahulu terhadap jenama dan logo mereka. Pengamatan pembaca adalah terbatas.

Berapa ramai orang menjual karpap dingin beku di Facebook? Bagaimana pembaca boleh mengingati karpap

Perkenalkan jenama dan logo tanpa apa-apa produk dalam muat naik.



yang mana satu ingin dibeli oleh mereka sekiranya tanpa merujuk kepada jenama.

**3.** Seterusnya dari masa ke masa, muat naik apa jua bahan menarik yang ingin dikongsi tetapi pastikan logo dan jenama anda diletak di sudut kanan atas dalam muat turun. Ini akan membantu mengingatkan jenama kita dengan lebih mudah.

Kenal pasti yang manakah jenama utama (main brand) dan sub jenama (sub brand) produk kita supaya ia teratur. Misalnya, Siti Food sebagai jenama utama dan di bawahnya ada karpap dingin beku dan sambal ikan bilis sebagai sub jenama berasingan.

**5.** Jangan letak apa-apa tulisan merentasi gambar-gambar yang kita muat naik itu. Sering kali saya lihat usahawan menulis nombor telefon mereka merentasi gambar dengan

tujuan dilihat orang tetapi sebenarnya ia mengganggu tumpuan pembaca terhadap jenama kita.

**6.** Jangan menulis kata kunci jualan serta ayat-ayat yang menerangkan produk terlalu banyak dalam satu muat turun yang sama. Asingkan supaya setiap muat turun kita mencapai sasaran.

**7.** Pastikan apabila kita muat naik gambar produk, ia jelas dan jika ada latar belakang pastikan ia tiada objek yang boleh mengganggu tumpuan pembaca terhadap imej produk kita. Misalnya, gambar seseorang memegang produk berlatar belakang pelbagai poster bola sepak yang menghilangkan tumpuan pembaca kepada produk kita.

Pelbagaikan bentuk dan bahan muat naik kita supaya orang tidak jemu melihatnya. Jika kita berniaga ayam pandan, janganlah setiap posting kita mengulangi gambar ayam pandan yang sama sahaja. Mungkin ada kala kita letak gambar ayam mentah bersama daun pandan dan

**8.**

ceritakan khasiat daun pandan pula.

**9.** Tulis dan muat naik sesuatu bahan yang mudah dibaca dan difahami oleh pembaca. Pembaca Facebook tidak gemar membaca sesuatu

berulang kali untuk faham sesuatu yang hendak kita disampaikan. Ayat perlu ringkas dan mudah difahami.

Dalam membina jenama, jangan mengkritik produk atau jenama orang lain. Tunjukkan kelebihan produk kita dan mengapa perlu memilih produk kita.

**11.** Jika kita muat naik gambar, pilih gambar yang sesuai, diambil dari sudut yang tepat dan jangan ada silau cahaya yang meneacatkan gambar.

Jangan ulangi gambar yang sama berkali-kali dalam satu muat turun.

Kesimpulannya, muat naik di Facebook memainkan peranan besar dalam membina jenama jika diatur dengan cara yang betul. Jadikan Facebook bukan tempat meluahkan perasaan yang bukan-bukan sebaliknya sebagai ruang memberi input yang membantu pembaca. Dari sini kita boleh mula mengembangkan jenama setelah kita mendapat kepercayaan dalam penjenamaan peribadi.



Business - E - Business  
Pg : 134 - 135

Control No: 0000 27 48 8 6

File Name: MAJ Business / 2016 / Bus 2016 A08 .pdf